



Garis Panduan

GAP YEAR

Kementerian Pendidikan Tinggi



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Garis Panduan

GAP YEAR

Kementerian Pendidikan Tinggi

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

2017

Cetakan Pertama/*First Printing* 2017
© Kementerian Pendidikan Tinggi 2017

Hak Cipta Terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Pendidikan Tinggi terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Ministry of Higher Education.

Diterbitkan di Malaysia oleh/*Published in Malaysia by*
Kementerian Pendidikan Tinggi
No 2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5,
62200 Wilayah Persekutuan, Putrajaya

Atur huruf dan Grafik oleh/*Typesetting and Graphic by*
Pejabat Karang Mengarang (Penerbit UPSI)
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

Dicetak oleh/*Printed by*
Pejabat Karang Mengarang (Penerbit UPSI)
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Garis Panduan GAP YEAR / Kementerian Pendidikan Tinggi.

ISBN 978-967-0888-47-7

1. Gap years--Handbooks, manuals, etc. 2. Non-formal education.
 3. Experiential learning. 4. Students--Employment.
 5. Students--Travel. 6. Education and travel.
 7. Vocational guidance I. Kementerian Pendidikan Tinggi.
- 378.198.

Kandungan

1.0	TUJUAN	1
2.0	DEFINISI OPERASIONAL	2
3.0	PENGENALAN	3
4.0	FAEDAH PENYERTAAN DALAM PROGRAM GAP YEAR	3
5.0	REKA BENTUK PROGRAM GAP YEAR	4
6.0	SYARAT PERMOHONAN GAP YEAR	5
7.0	PROSEDUR PROGRAM GAP YEAR	6
8.0	PROSES PELAKSANAAN PROGRAM GAP YEAR	7
9.0	KAEDAH PEMANTAUAN DAN PELAPORAN PROGRAM GAP YEAR	8
10.0	TANGGUNGJAWAB	8
11.0	PROSES PERTUKARAN PROGRAM GAP YEAR	10
12.0	PROSES PENANGGUHAN PROGRAM GAP YEAR	11
13.0	PROSES PENAMATAN PROGRAM GAP YEAR	11
14.0	PENYERTAAN PROGRAM GAP YEAR DAN KESAN	12
15.0	PENUTUP	12
16.0	LAMPIRAN	13
17.0	SENARAI PENULIS	39


Kesukarelawanan **GAP YEAR** **UMUM** *Khidmat Negara*





YB. DATO' SERI IDRIS JUSOH
Menteri Pendidikan Tinggi

“Program *Gap Year* diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi untuk membolehkan mahasiswa berehat daripada pengajian mereka dan menerokai pengalaman kehidupan yang baharu sama ada melalui pekerjaan, pengembaraan ataupun penglibatan dalam program kesukarelawanan dan khidmat masyarakat. Program berbentuk pilihan ini diharapkan dapat membudayakan sikap keperihatinan, meningkatkan semangat patriotisme dan menguatkan sifat kasih sayang serta syukur dalam kalangan mahasiswa.”





YB. DATUK DR. MARY YAP KAIN CHING
Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi

“

Dengan menyertai Program *Gap Year*, mahasiswa akan berpeluang untuk merefleksi dan meneroka diri dalam mencari hala tuju kehidupan mereka dengan melaksanakan aktiviti kesukarelawanan, keusahawanan, bekerja, melancong, bersukan dan sebagainya. Mahasiswa yang berminat untuk menyertai kesukarelawanan dan aktiviti kemasyarakatan boleh menyertai pelbagai program yang telah dibangunkan oleh KPT dengan kerjasama universiti awam dan agensi berkenaan.

”



YBHG. TAN SRI DR. NOORULAINUR MOHD. NUR

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi

“

Program *Gap Year* bakal memberikan pelbagai impak yang positif kepada mahasiswa termasuklah melahirkan mahasiswa yang bertanggungjawab, patriotik, bersatu padu & penyayang, memberikan nilai tambah kepada kemahiran dan pengetahuan serta meningkatkan kebolehpasaran graduan. Program ini sejajar dengan Lonjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) iaitu untuk melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan bercirikan keusahawanan.

”



YBHG. DATIN PADUKA IR. DR. SITI HAMISAH TAPSIR

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

“

Program *Gap Year* merupakan satu platform kepada mahasiswa bagi mengenali potensi diri dengan menyertai aktiviti yang bakal memberikan nilai tambah kepada bukan sahaja kepada diri mahasiswa itu sendiri malah dapat menyumbang kepada masyarakat. Program amat bertepatan dengan laungan slogan KPT iaitu *Soaring Upwards* yang akan melahirkan mahasiswa yang seimbang dari segi kecemerlangan akademik dan kemahiran insaniah.

”

Prakata

Penulisan *Buku Garis Panduan Gap Year* merupakan satu usaha berterusan ke arah mempertingkatkan kecemerlangan pendidikan tinggi sebagai pelengkap aspirasi Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dalam melaksanakan Program *Gap Year* bermula September 2017.

Pelaksanaan *Gap Year* bakal meletakkan institusi pendidikan tinggi (IPT) di Malaysia sebagai hub pendidikan antarabangsa di mana pelajar bukan sahaja mendapat pendidikan akademik semata-mata malahan dapat menimba pengalaman, melakukan aktiviti kesukarelawan dan sebagainya.

Garis panduan ini digarap bagi memberikan serba sedikit panduan dan informasi berkaitan program *Gap Year Khidmat Negara*, *Gap Year Kesukarelawanan*, *Gap Year Umum* dan program *Summer Volunteerism* agar dapat difahami dan dihayati oleh semua lapisan masyarakat. Justeru, penulisan buku ini bakal memberi impak yang positif kepada masyarakat tentang usaha kerajaan dalam memajukan pendidikan negara agar dapat bersaing dengan pendidikan antarabangsa.

Menjadi harapan kepada KPT dan semua pihak untuk meneliti isi kandungan buku ini dan seterusnya merealisasikan matlamat program *Gap Year* di semua universiti awam yang terlibat. Semoga dengan kejayaan oleh universiti awam yang terpilih ini bakal dipanjangkan pelaksanaannya kesemua IPT di Malaysia. Adalah diharapkan program yang dipelbagaikan mengikut acuan tertentu bersama-sama agensi rakan strategik ini akan menjadi idaman kepada mahasiswa untuk sama-sama mengikuti program yang ditawarkan.

Sekalung penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung semasa penerbitan buku *Garis Panduan Gap Year* Kementerian Pendidikan Tinggi.



Kesukarelawanan
GAP YEAR
UMUM *Khidmat Negara*



Penghargaan

Garis Panduan Gap Year KPT 2017 telah berjaya dihasilkan bertepatan dengan hasrat pelaksanaan *Gap Year* 2017 selari dengan Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) bagi melahirkan graduan holistik, seimbang dan bercirikan keusahawanan. Garis panduan ini memberi fokus kepada perlaksanaan secara sistematik di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi dan universiti-universiti awam Malaysia yang bertujuan memastikan perlaksanaan di peringkat universiti sentiasa relevan dalam mengeluarkan graduan yang berkualiti seiring dengan graduan yang menjalani Program *Gap Year* di peringkat global. Garis panduan ini akan menjadi titik penting terhadap Program *Gap Year* di semua universiti sebagai bahan rujukan kepada mana-mana projek kesukarelawanan bagi memastikan supaya hasilnya dapat dituai kelak.

Kementerian Pendidikan Tinggi melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, semua universiti peneraju (UiTM, UKM, UniSZA, USIM, UUM, UMS, UMT, UPSI, UTHM) dan agensi-agensi (JKM, JAKOA, JPN, JKM, IRM, PDRM, ATM, APM, NADMA, DBKK) yang terlibat menggembungkan tenaga dalam menghasilkan garis panduan ini. Gabungan kerjasama semua pihak membuktikan wujudnya satu komitmen yang mantap dalam merealisasikan hasrat perlaksanaan *Gap Year*. Tidak ketinggalan jutaan terima kasih kepada MQA, Bahagian Biasiswa, BPPA dan BPPPDD atas keterlibatan dalam menghasilkan garis panduan ini. Semoga apa yang digariskan akan menjadi panduan yang bermakna dan jelas dari aspek hala tuju dan prosedurnya kepada semua pihak yang terlibat. Didoakan agar usaha murni ini mampu membawa hasil seperti yang ditetapkan dan mampu memberi impak positif kepada mahasiswa, universiti-universiti Awam Malaysia, pihak KPT dan masyarakat amnya.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



Garis Panduan


GAP YEAR

Kementerian Pendidikan Tinggi

1.0

TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan memberi keterangan dan penjelasan mengenai objektif, syarat, prosedur permohonan, tanggungjawab pelajar, universiti dan agensi, proses pertukaran, penangguhan dan penamatan program *Gap Year*.



2.0

DEFINISI OPERASIONAL



2.1

Gap Year Khidmat Negara

Program Gap Year yang menempatkan pelajar dengan agensi badan beruniform/pertahanan dan keselamatan negara seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bagi menjalankan aktiviti kesukarelawanan.

2.2

Gap Year Kesukarelawanan

Program Gap Year yang menempatkan pelajar dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan bagi menjalankan aktiviti kesukarelawanan.

2.3

Gap Year Umum

Program Gap Year yang memberikan kebebasan kepada pelajar untuk memilih aktiviti seperti kesukanan, kesukarelawanan dan keusahawanan serta tertakluk kepada kelulusan universiti.

2.4

Summer Volunteerism

Program jangka pendek yang dilakukan oleh pelajar semasa cuti semester (satu (1)–tiga (3) Bulan) di agensi bagi melaksanakan aktiviti kesukarelawanan.

2.5

Universiti Awam Peneraju (UAP)

Universiti Awam yang menjalankan program kerjasama Gap Year dengan agensi (rakan strategik).

2.6

Universiti Awam Pemohon

Semua Universiti Awam (UA).

2.7

Agensi

Rakan strategik yang bekerjasama dalam menjalankan program Gap Year.

2.8

Jawatankuasa Gap Year UA

Jawatankuasa yang dilantik oleh pihak pengurusan UA untuk memastikan pelaksanaan Gap Year di peringkat universiti masing-masing berjalan lancar.

3.0 PENGENALAN

Program *Gap Year* telah diumumkan semasa Majlis Amanat Menteri Pendidikan Tinggi 2017 bagi memenuhi Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT). Matlamat utamanya ialah untuk melahirkan graduan yang holistik, seimbang dan bercirikan keusahawanan. *Gap Year* merupakan program yang dilaksanakan dalam jangka masa tertentu khusus untuk pelajar membuat refleksi dan penerokaan diri menerusi program kesukarelawanan (*a time of self-reflection and self-discovery through volunteerism*). *Gap Year* direka bentuk dengan keistimewaan yang membenarkan pelajar menangguhkan pengajian bagi melaksanakan kerja-kerja sukarelawan yang telah direncanakan bersama agensi terpilih.

4.0 FAEDAH PENYERTAAN DALAM PROGRAM GAP YEAR

Melalui penglibatan aktif dalam program *Gap Year*, pelajar akan:

- 4.1. Menggalakkan budaya bertanggungjawab, patriotisme, penyayang dan budaya sukarelawan supaya mampu memasyarakatkan mahasiswa dan ‘memahasiswaikan’ masyarakat;
- 4.2. Meningkatkan nilai tambah terhadap kemahiran-kemahiran tambahan (*soft skills*) sebelum benar-benar menceburи bidang pekerjaan;
- 4.3. Meningkatkan kebolehpasaran graduan;
- 4.4. Memperkayakan kehidupan pelajar agar dapat membentuk mahasiswa yang holistik dan bermanfaat kepada masyarakat; dan
- 4.5. Menerima elauan latihan bagi *Gap Year Khidmat Negara* bagi yang layak.



5.0 REKA BENTUK PROGRAM GAP YEAR

Terdapat tiga bentuk program Gap Year iaitu *Gap Year Khidmat Negara*, *Gap Year Sukarelawan* dan *Gap Year Umum*. Perincian setiap bentuk program adalah seperti berikut:

5.1 *Gap Year Khidmat Negara*

Program ini akan menempatkan pelajar yang berminat ke agensi-agensi badan beruniform iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Program ini diselenggarakan oleh dua UAP iaitu **Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)** dan **Universiti Teknologi MARA (UiTM)**. Pelajar boleh memilih untuk berkhidmat sebagai sukarelawan di mana-mana agensi tersebut selama tempoh satu (1) tahun akademik.

5.2 *Gap Year Kesukarelawanan*

Program ini merupakan program yang membenarkan pelajar untuk melaksanakan aktiviti kesukarelawanan selama satu (1) semester hingga satu (1) tahun akademik mengikut program yang ditawarkan oleh UAP bersama agensi yang terlibat. UAP bersama agensi yang menawarkan program *Gap Year Kesukarelawanan* dalam kategori ini adalah seperti berikut:-

- 5.2.1 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) – *Islamic Relief Malaysia (IRM)*
- 5.2.2 Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) – Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPNP).

- 5.2.3 Universiti Utara Malaysia (UUM) – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- 5.2.4 Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) – Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)
- 5.2.5 Universiti Malaysia Terengganu (UMT) – Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
- 5.2.6 Universiti Malaysia Sabah (UMS) – Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)
- 5.2.7 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

Selain itu, pelajar boleh memilih program-program yang disediakan dalam jangkamasa yang lebih pendek iaitu semasa cuti semester dengan melaksanakan program *summer volunteerism*.

5.3

Gap Year Umum

Program ini terbuka kepada pelajar yang ingin melibatkan diri dalam program sukarelawan umum seperti kesukanan, keusahawanan, meningkatkan kemahiran, pelancongan dan lain-lain aktiviti. Aktiviti yang dirancang oleh pelajar perlu mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh universiti masing-masing. Tempoh minimum program adalah selama satu (1) semester dan tempoh maksimum adalah selama satu (1) tahun kalendar akademik. Program ini tidak mempunyai struktur spesifik seperti program *Gap Year Khidmat Negara* atau *Gap Year Kesukarelawanan*. Pelajar bebas memilih program yang bermanfaat dan menambah nilai kemahiran.

► 6.0 SYARAT PERMOHONAN GAP YEAR

Pelajar yang layak menyertai program *Gap Year* mestilah memenuhi kriteria seperti berikut:

- 6.1. Warganegara Malaysia;
- 6.2. Mestilah berdaftar sebagai pelajar di UA di Malaysia;
- 6.3. Memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh agensi berkenaan;
- 6.4. Pelajar tahun kedua dan ke atas yang belajar secara sepenuh masa di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda untuk program *Gap Year* Sukarelawan dan *Gap Year* Umum;
- 6.5. Semua pelajar tahun kedua dan ke atas boleh memohon program *Gap Year* Khidmat Negara. Pelajar tahun akhir yang telah ditauliahkan bagi PALAPES, tamat latihan bagi SUKSIS dan APM digalakkan memohon program *Gap Year* Khidmat Negara yang berkenaan sebelum bergraduasi;
- 6.6. Tempoh program *Gap Year* yang ingin disertai tidak melebihi satu (1) tahun kalendar akademik; dan
- 6.7. Pelajar hanya dibenarkan untuk menyertai **SATU** kali sahaja program *Gap Year* di sepanjang tempoh pengajian.

7.0 ◀

PROSEDUR PROGRAM **GAP YEAR**



7.1. Carta Alir Prosedur Program Gap Year



8.0 PROSES PELAKSANAAN PROGRAM GAP YEAR

- 8.1. Menghantar borang permohonan Program Gap Year (**Lampiran 1** atau **Lampiran 2**) yang boleh diperoleh daripada laman web UAP seperti dalam Jadual 1 kepada Jawatankuasa Gap Year UA masing-masing:

Jadual 1 Maklumat Program Gap Year

Bil.	UAP	Agenzi	Program	Jangka masa	Laman Web
1	UiTM	APM	Sukarelawan APM	1 tahun akademik	http://hep1.uitm.edu.my/v1/muat-turun/program-gap-year.html
2	UiTM	ATM	Sukarelawan ATM	1 tahun akademik	http://www.uitm.edu.my/index.php/en/
3	UKM	PDRM	Sukarelawan PDRM	1 tahun akademik	http://www.ukm.my/ppmpa/news/4577/
4	UUM	JKM	Perkongsian Pintar Kesukarelawan UUM – JKM (PINTAS UUM – JKM)	3 bulan atau 3 bulan + 1 semester	http://hep.uum.edu.my
5	UTHM	JKM	Sukarelawan JKM	1 tahun akademik	http://hep.uthm.edu.my/v3/index.php/en2/pusat-sumber/gap-year
6	USIM	IRM	Program Pembangunan Komuniti	1 tahun	http://hep.usim.edu.my/gap-year-program
7	UniSZA	JAKOA	Menongkah Puncak: Pemerksaan Pendidikan Orang Asli	3 bulan	http://www.unisza.edu.my
8	UMT	NADMA	Mahasiswa@Cakna: Kesukarelawan Bencana	3 bulan atau 3 bulan + 1 semester	www.gapyear.umt.edu.my
9	UMS	DBKK	<i>My City, My Responsibility</i>	3 bulan	http://www.ums.edu.my/v5/index.php/en/pengenalan-gap-year-2017
10	UPSI	KPM & JPNP	Tuisyen Bitara	3 – 6 bulan	http://www.upsi.edu.my/index.php/2016-06-29-02-43-27/program-gap-year

- 8.2. Menyediakan kertas kerja sekiranya memilih untuk menyertai program *Gap Year* Umum berdasarkan format yang telah disediakan (**Lampiran 3**).
- 8.3. Mengemukakan permohonan lengkap sebelum tarikh tutup permohonan.
- 8.4. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.
- 8.5. Memohon kepada pihak agensi, UAP dan UA Pemohon secara bertulis sekiranya pelajar ingin memendekkan tempoh atau menarik diri daripada pelaksanaan program *Gap Year*.

► 9.0 KAEDAH PEMANTAUAN DAN PELAPORAN *GAP YEAR*

- 9.1. Pelajar akan dipantau oleh wakil UA masing-masing melalui lawatan ke agensi atau lokasi berkenaan semasa pelajar menjalani program *Gap Year*.
- 9.2. Pihak agensi akan memantau dari segi kebijakan dan keperluan pelajar semasa menjalani program *Gap Year*.
- 9.3. Kekerapan pemantauan tertakluk kepada persetujuan perbincangan ahli Jawatankuasa *Gap Year* UA masing-masing.
- 9.4. Pelajar perlu menyediakan laporan program *Gap Year* mengikut format universiti masing-masing dan dihantar kepada Jawatankuasa *Gap Year* UA masing-masing.
- 9.5. Laporan tersebut perlu dihantar dalam bentuk cetakan dan *soft copy*.

▼ 10.0 TANGGUNGJAWAB

10.1. Pelajar

Pelajar yang menyertai program *Gap Year* mestilah:

- a. melaksanakan pemeriksaan kesihatan bagi tujuan permohonan;
- b. mematuhi undang-undang yang sedang berkuat kuasa;
- c. menjaga nama baik kementerian, universiti dan agensi;
- d. mematuhi etika dan peraturan agensi sepanjang melaksanakan program *Gap Year*;
- e. digalakkan untuk memaklumkan kepada ibu/bapa/penjaga;
- f. mendapat kebenaran daripada pihak fakulti;
- g. mendapat kebenaran bertulis daripada pihak pembiaya pengajian selain daripada PTPTN – basiswa/pinjaman; dan
- h. menyediakan laporan mengikut keperluan yang ditetapkan oleh UAP dan agensi masing-masing.



10.2. Universiti

UA Pemohon mestilah:

- membuat hebahan kepada pelajar universiti masing-masing berdasarkan hebahan UAP;
- menyaring permohonan pelajar mengikut kriteria UAP;
- menyalurkan permohonan kepada UAP; dan
- memastikan pelajar dilindungi dengan polisi perlindungan yang bersesuaian dengan program *Gap Year* yang dijalankan.

UAP mestilah:

- membuat hebahan kepada pelajar universiti masing-masing;
- membuat pemilihan pelajar berdasarkan permohonan yang lengkap mengikut kriteria UAP;
- mengadakan perbincangan dengan agensi berkenaan penempatan;
- mengeluarkan surat tawaran kepada pelajar yang layak sekurang-kurangnya dua (2) minggu sebelum tarikh program diadakan;
- menjalankan sesi latihan yang bersesuaian mengikut keperluan agensi;
- memastikan pelajar mendapat penempatan yang bersesuaian;
- memantau aktiviti kesukarelawanan pelajar;
- menilai aktiviti kesukarelawanan pelajar (jika berkaitan); dan
- UAP boleh memberhentikan pelajar yang tidak mematuhi syarat *Gap Year* dengan persetujuan agensi dan memaklumkan kepada universiti pemohon.

10.3. Agensi

Rakan strategik mestilah:

- memastikan pelajar tertakluk kepada syarat yang telah dipersetujui antara agensi dan UA;
- mengadakan perbincangan dengan UAP berkenaan penempatan;
- menerima pelajar yang telah dipilih oleh UAP;
- memantau aktiviti kesukarelawanan pelajar;
- menilai aktiviti kesukarelawanan pelajar (jika berkaitan);
- menjaga kebijakan dan keselamatan pelajar; dan
- mencadangkan untuk memberhentikan program *Gap Year* pelajar yang tidak mematuhi syarat secara pemakluman bertulis kepada pihak UAP.

11.0

PROSES PERTUKARAN PROGRAM *GAP YEAR*



11.1 Penukaran program

Pelajar tidak digalakkan untuk menukar program *Gap Year* Kesukarelawanan dan *Gap Year* Khidmat Negara kerana kedua-dua bentuk program *Gap Year* ini memerlukan masa yang spesifik dan teratur untuk mendapat pengiktirafan. *Gap Year* Khidmat Negara memerlukan pelajar menyertainya secara sepenuh masa dengan badan beruniform yang telah ditetapkan. Program *Gap Year* Khidmat Negara ini dilaksanakan secara serentak dan melibatkan kos kepada UA dan Agensi. Manakala, program *Gap Year* Kesukarelawanan juga mempunyai tempoh masa serta aktiviti yang telah dirancang oleh pihak agensi dan pelajar tidak digalakkan untuk menukar program. Oleh yang demikian, pelajar perlu memilih dengan teliti program yang bersesuaian. Para pelajar yang memilih program *Gap Year* Umum boleh menukar jenis aktiviti yang dirancang dengan syarat ia dimaklumkan kepada UA masing-masing.

11.2 Program Hibrid

Pelajar boleh memilih untuk menjalankan program secara gabungan dua (2) program *Gap Year* atau Program Hibrid iaitu *Gap Year* Umum dan *Gap Year* Kesukarelawanan. Bagi Program Hibrid, pelajar akan menjalankan sama ada program *Gap Year* Kesukarelawanan terlebih dahulu dan/atau diikuti dengan *Gap Year* Umum. Jangka masa adalah bergantung kepada tempoh *Gap Year* Kesukarelawanan, contohnya, program *Gap Year* Kesukarelawanan selama 3 bulan dan selebihnya program *Gap Year* Umum selama 9 bulan. Namun begitu, tempoh masa maksimum bagi Program Hibrid adalah selama satu (1) tahun akademik. Permohonan perlu dibuat menggunakan **borang permohonan (Lampiran 1)** yang disediakan dengan memilih 2 program iaitu *Gap Year* Umum dan *Gap Year* Kesukarelawanan. Pelajar masih tertakluk untuk menyediakan kertas kerja bagi program *Gap Year* yang dirancang mengikut tempoh yang dimohon. Walau bagaimanapun, ia adalah tertakluk kepada kelulusan UAP.

12.0

PROSES PENANGGUHAN PROGRAM GAP YEAR

Pelajar tidak digalakkan untuk menangguhkan program *Gap Year* yang sedang dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pelajar boleh menangguhkan penglibatan bagi *Gap Year* ke semester yang berikutnya sekiranya belum mendaftar program *Gap Year* dan pendaftaran semester pengajian masih dibuka. Namun begitu, keputusan adalah tertakluk kepada UA dan agensi terlibat. Pelajar bertanggungjawab memaklumkan secara bertulis kepada UA dan agensi terlibat sekiranya mereka mempunyai masalah yang tidak dapat dielakkan.

13.0

PROSES PENAMATAN PROGRAM GAP YEAR

- 13.1 Pelajar boleh menarik diri daripada menyertai program setelah mendaftar atau sedang menjalani *Gap Year*. Pelajar perlu memaklumkan penarikan diri secara bertulis kepada pihak UAP dan agensi terlibat. Pelajar yang menarik diri setelah berdaftar atau semasa menjalani program *Gap Year* tidak akan dipertimbangkan untuk menyertai program *Gap Year* pada masa hadapan.
- 13.2 Pelajar juga boleh ditamatkan penglibatan dalam program *Gap Year* jika melanggar peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak agensi dan universiti. Notis penamatan akan dikeluarkan oleh UAP setelah perbincangan dengan agensi dan universiti dijalankan.



14.0

PENYERTAAN PROGRAM GAP YEAR DAN KESAN

14.1. Pinjaman PTPTN

Sekiranya pelajar dibenarkan dan diterima untuk menyertai program *Gap Year*, pihak UA perlu memaklumkan status pelajar tersebut kepada PTPTN bagi membolehkan PTPTN menangguhkan sementara pemberian wang pinjaman PTPTN kepada pelajar berdasarkan tempoh keterlibatan pelajar dengan program *Gap Year*. Pinjaman PTPTN akan disambung seperti biasa setelah pelajar mendaftar semula ke UA bagi menyambung pengajian akademik.

14.2. Biasiswa dan pinjaman pendidikan lain

Pelajar perlu memaklumkan dan mendapatkan kebenaran bagi menyertai program *Gap Year* daripada pemberi biasiswa atau pinjaman selain daripada PTPTN.

14.3. Graduate on Time (GOT)

Keterlibatan dalam program *Gap Year* tidak akan memberikan sebarang implikasi kepada GOT. Tempoh pelajar menjalani *Gap Year* tidak akan diambil kira sebagai tempoh pengajian mahupun penangguhan.

15.0

PENUTUP

Adalah diharapkan buku panduan ini dapat membantu pelajar khususnya untuk mencapai objektif program *Gap Year* iaitu menyemai semangat kesukarelawanan, patriotisme dan perpaduan. Garis panduan ini diterbitkan agar dapat memberi panduan kepada semua pihak termasuk pelajar, universiti dan agensi dalam melaksanakan program *Gap Year*.

PROGRAM GAP YEAR



BORANG PERMOHONAN

A) PEMILIHAN PROGRAM

(SILA TANDAKAN / UNTUK PROGRAM YANG AKAN DISERTAI)

Pemohon hanya perlu memilih 1 (I atau II atau III) daripada 3 jenis program Gap Year di bawah

GAMBAR
PASSPORT

I) GAP YEAR NATIONAL SERVICE VOLUNTEERISM

UiTM dan Angkatan Tentera Malaysia

TEMPOH

<input type="checkbox"/>	1 Tahun
<input type="checkbox"/>	1 Tahun
<input type="checkbox"/>	1 Tahun

II) GAP YEAR VOLUNTEERISM

UUM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

TEMPOH

<input type="checkbox"/>	3 Bulan
<input type="checkbox"/>	1 Tahun
<input type="checkbox"/>	1 Semester
<input type="checkbox"/>	1 Tahun

III) GAP YEAR UMUM

Nyatakan secara ringkas program yang akan dijalankan

TEMPOH

<input type="checkbox"/>	6 bulan
<input type="checkbox"/>	1 Tahun

D) AKADEMİK

PENCAPAIAN AKADEMIK

PURATA NILAI GRED KUMULATIF (PNGK)

--	--	--	--	--

TAHUN PENGAJIAN

NAMA BIDANG PENGAJIAN

NAMA UNIVERSITI

E) KEMAHIRAN (tandakan / pada ruang yang disediakan)

KEMAHIRAN BAHASA

(Nyatakan kemahiran berbahasa anda selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)

1	
2	
3	

KEMAHIRAN ICT

(Nyatakan kemahiran ICT anda)

1	
2	
3	
4	
5	

NYATAKAN PROGRAM KESUKARELAWANAN YANG PERNAH DISERTAI

(Sekiranya Ada)

BIL	NAMA PROGRAM
1	
2	
3	
4	
5	

F) KURSUS KOKURIKULUM (*Hanya untuk Gap Year National Service Volunteerism)**KATEGORI KURSUS KOKURIKULUM**

(Tuliskan Kod dan Nama Kursus pada ruang yang berkaitan)

Jika ruangan tidak mencukupi, sila sertakan lampiran

KATEGORI	KURSUS	SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6
BADAN BERUNIFORM	KOD						
	KURSUS						
BUKAN BADAN BERUNIFORM	KOD						
	KURSUS						

PENCAPAIAN GRED KURSUS KOKURIKULUM

SEMESTER	KOD KURSUS	NAMA KURSUS	PENCAPAIAN (GRED)
1			
2			
3			
4			
5			
6			

PENGITRAFAN (JIKA MENGIKUTI KURSUS KOKURIKULUM BADAN BERUNIFORM)

NYATAKAN PANGKAT TERAKHIR DITAULIAHKAN (Jika Ada)

(Tandakan / pada kotak berkaitan)

INSPEKTOR SUKARELAWAN SIMPANAN POLIS

LEFTENAN MUDA (PALAPES DARAT)

LEFTENAN MUDA (PALAPES UDARA)

LEFTENAN MUDA (PALAPES LAUT)

LEFTENAN MUDA (PERTAHANAN AWAM)

LAIN-LAIN (Sila Nyatakan)

G) PERAKUAN PELAJAR

SAYA DENGAN INI MEMBERI PERAKUAN BAHWA SEGALA BUTIRAN YANG DIBERIKAN ADALAH BENAR DAN SAYA TELAH MEMBUAT PERSIAPAN AWAL UNTUK MENJALANI PROGRAM GAP YEAR.

.....
TARIKH

.....
TANDATANGAN

H) PERAKUAN DEKAN / WAKIL DEKAN

SAYA, DENGAN INI MEMBERI PERAKUAN BAHWA PELAJAR YANG TERSEBUT DI ATAS ADALAH PELAJAR DI BAWAH PENGAWASAN SAYA. SAYA MENGESAHKAN BAHWA SEGALA BUTIRAN YANG DINYATAKAN ADALAH BENAR.

.....
TARIKH

.....
TANDATANGAN & COP UNIVERSITI

I) KELULUSAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR)

SAYA, DENGAN INI MELULUSKAN PERMOHONAN PELAJARINI UNTUK MENYERTAI PROGRAM GAP YEAR.

.....
TARIKH

.....
TANDATANGAN & COP UNIVERSITI

Syarat-syarat Kelayakan

Pelajar yang layak menyertai program *Gap Year* mestilah memenuhi kriteria seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berdaftar dengan UA;
- iii. Memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh agensi berkenaan (Lampiran 3);
- iv. Pelajar tahun kedua dan ke atas yang belajar secara sepenuh masa di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda;
- v. Tempoh program *Gap Year* yang ingin disertai tidak melebihi satu tahun pengajian akademik; dan
- vi. Pelajar hanya dibenarkan untuk menyertai SATU kali sahaja program *Gap Year* sepanjang pengajian.
- vii. Mengemukakan surat sokongan daripada pihak penaja pengajian seperti MARA, JPA dan sebagainya.

Prosedur Permohonan

Pelajar yang berminat menyertai program *Gap Year* hendaklah melalui prosedur berikut:

- i. Menghantar borang permohonan rasmi *Gap Year* (Lampiran 1) yang boleh diperolehi daripada laman web universiti peneraju;
- ii. Menyediakan kertas kerja sekiranya memilih untuk menyertai program *Gap Year* - Umum berdasarkan format yang telah disediakan (Lampiran 2);
- iii. Mengemukakan permohonan lengkap sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang lengkap sahaja akan diproses.

Lampiran 2

BORANG PERMOHONAN PROGRAM GAP YEAR KHIDMAT NEGARA



(SILA TANDAKAN / UNTUK PROGRAM YANG AKAN DISERTAI)

- UiTM Angkatan Tentera Malaysia Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
- UKM Polis Diraja Malaysia

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dimajukan kepada:

Sekretariat
Program Gap Year (Kesukarelawanan Khidmat Negara)
Akademi Kepolisian UiTM-PDRM
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor

No. Tel: 03-5544 2584
No. Faks: 03-5544 2586
E-mel: www.akp.uitm.edu.my

Tarikh tutup permohonan:

Tarikh Pelaksanaan Program:

A) MAKLUMAT PERIBADI

NAMA PENUH

NO. KAD PENGENALAN

JANTINA

LELAKI

PEREMPUAN

1

ALAMAT SURAT-MENYURAT

ALAMAT TETAP (Jika Berbeza)

TARIKH LAHIR

UMUR

ALAMAT E-MEL

AGAMA

BANGSA

NO. TEL. RUMAH

NO. TEL. BIMBIT

KECACATAN ANGGOTA

TARAF PERKAHWINAN

ADA

TIADA

1

B) MAKLUMAT WARIS (DIHUBUNGI JIKA BERLAKU KECEMASAN)

NAMA PENUH

ALAMAT

NO. TELEFON

HUBUNGAN

C) MAKLUMAT PENGAJIAN

PURATA NILAI GRED KUMULATIF (PNGK)

--	--	--	--	--

TAHUN PENGAJIAN

A horizontal row of 12 empty square boxes for writing answers.

NAMA BIDANG PENGAJIAN

NAMA UNIVERSITI

D) KEMAHIRAN (tandakan / pada ruang yang disediakan)

KEMAHIRAN BAHASA

BAHASA	KOMUNIKASI			PENULISAN		
	FASIH	SEDERHANA	KURANG FASIH	FASIH	SEDERHANA	KURANG FASIH
MELAYU						
INGGERIS						
LAIN-LAIN						

KEMAHIRAN ICT/KOMPUTER

PENGGUNAAN ICT		
MAHIR	SEDERHANA	KURANG MAHIR

LAIN-LAIN KEMAHIRAN

1	
2	
3	

E) KURSUS KOKURIKULUM DIIKUTI SEMASA PENGAJIAN

KURSUS DIIKUTI SEMASA PENGAJIAN

SEMESTER	NAMA KURSUS KOKURIKULUM	NILAI GRED
SEMESTER 01		
SEMESTER 02		
SEMESTER 03		
SEMESTER 04		
SEMESTER 05		

ATM	LEFTENAN MUDA (PALAPES DARAT)	
	LEFTENAN MUDA (PALAPES LAUT)	
	LEFTENAN MUDA (PALAPES UDARA)	
PDRM	INSPEKTOR (SUKARELAWAN POLIS)	
APM	LEFTENAN MUDA (PERTAHANAN AWAM)	
UiTM	LEFTENAN MUDA (KESATRIA)	
LAIN-LAIN (Nyatakan)		

PENGITIRAFAN KOKURIKULUM BADAN BERUNIFORM (tandakan / pada ruang disediakan)

MAKLUMAT FIZIKAL (JIKA INGIN MENYERTAI PROGRAM GAP YEAR KHIDMAT NEGARA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (Ujian Fizikal akan diadakan oleh ATM)

	LELAKI	WANITA
KETINGGIAN (cm)		
BERAT BADAN (kg)		
UKURAN DADA (BIASA) (cm)		
UKURAN DADA (TARIK NAFAS) (cm)		

F) PENGLIBATAN DALAM PROGRAM KESUKARELAWANAN

	NAMA PROGRAM	PENGANJUR	TEMPOH	SUMBANGAN/ JAWATAN
1				
2				
3				
4				
5				

G) PERAKUAN PELAJAR

SAYA DENGAN INI MEMBERI PERAKUAN BAHWA SEGALA BUTIRAN YANG DIBERIKAN ADALAH BENAR. SAYA JUGA BERSETUJU DAN AKAN PATUH PADA PERATURAN PROGRAM GAP YEAR KHIDMAT NEGARA.

TARIKH


TANDATANGAN

H) PERAKUAN PEGAWAI UNIVERSITI

SAYA....., DENGAN INI MEMBERI PERAKUAN BAHWA PELAJAR YANG TERSEBUT DI ATAS ADALAH PELAJAR YANG MENDAFTAR DI UNIVERSITI INI. SAYA MENGESAHKAN BAHWA SEGALA BUTIR YANG DINYATAKAN ADALAH BENAR.

TARIKH

TANDATANGAN



NAMA:

JAWATAN:

Perakuan oleh pegawai universiti: Perakuan boleh dibuat oleh mana-mana pegawai berikut

Dekan Fakulti; Timbalan Dekan Fakulti, Ketua Pusat Pengajian; Penolong Pendaftar Fakulti; Penasihat Akademik; Ketua-ketua Bahagian HEP; Pengetua Kolej, Pengurus Asrama; Pegawai Universiti Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

**PANDUAN MENYEDIAKAN KERTAS KERJA PROJEK
BAGI GAP YEAR UMUM SAHAJA**

1. TAJUK

- Nyatakan tajuk spesifik program yang ingin dilaksanakan.
- Hendaklah mengikut ruang lingkup *Gap Year*.

2. TUJUAN

- Nyatakan tujuan kertas kerja dihasilkan.

3. LATAR BELAKANG

- Nyatakan pengenalan, latar belakang, hubung kait dan kepentingan projek yang dicadangkan untuk dilaksanakan.

4. OBJEKTIF

- Jelaskan objektif projek yang dianjurkan.

5. KOMPONEN PROJEK

5.1. CADANGAN TARikh

- Tarikh mula sehingga tamat program *Gap Year* dinyatakan dengan jelas.

5.2. CADANGAN TEMPAT

- Cadangan tempat pelaksanaan program *Gap Year* oleh pelajar.

5.3. KUMPULAN SASAR (JIKA ADA)

- Nyatakan secara khusus kumpulan sasaran yang akan terlibat dalam projek (jika ada).

5.4. KAE DAH PELAKSANAAN

- Nyatakan kaedah pelaksanaan projek yang dirancang untuk dilaksanakan.

5.5. PELAN PERANCANGAN PROJEK DAN ANGGARAN PERBELANJAAN PROJEK (JIKA BERKAITAN)

- Nyatakan secara terperinci tentatif projek sepanjang program *Gap Year* dilaksanakan sehingga selesai.
- Anggaran perbelanjaan yang dicadangkan.

6. FAEDAH

- Jelaskan faedah yang akan diperoleh oleh pelajar/kumpulan sasaran/agensi daripada projek yang dianjurkan.

7. KESIMPULAN

- Jelaskan harapan pelajar terhadap pelaksanaan projek ini.

Lampiran 4

ALAMAT PERHUBUNGAN AGENSI STRATEGIK

Bil.	Nama Agensi	Alamat
1.	Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPNP)	Jalan Tun Abdul Razak, 30640 Ipoh, Perak. Telefon: 05-501 5000 Faks: 05-527 7273 E-mel: aduan.jpnperak@moe.gov.my
2.	Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)	Aras 6 & 7 Blok D5, Kompleks D, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya. Telefon: 03-8870 4800 Faks: 03-8870 4848 E-mel: admin@nadma.gov.my Website: www.nadma.gov.my
3.	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Kelantan dan Terengganu	Tingkat 6 Wisma Persekutuan, Jalan Bayam, 15200 Kota Bharu, Kelantan. Telefon: 09-744 3488 / 09-7475107 Faks: 09-744 0622 E-mel: nikman@jakoa.gov.my
4.	Angkatan Tentera Malaysia (ATM)	Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak, 50634, Kuala Lumpur.
5.	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)	Jalan Padang Tembak, 50556 Kuala Lumpur, MALAYSIA. Telefon: 03-26871300 No. Faks: 03-26923626 E-mel: pro@civildefence.gov.my
6.	Polis Diraja Malaysia (PDRM)	Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman, 50560 Kuala Lumpur. Telefon: 03 - 2266 2222 Faks: 03 - 2070 7500
7.	Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	Ibu Pejabat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Aras 6, 9-18, No 55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya. Telefon: 03 - 8000 8000 Faks: 03 - 8323 2045
8.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)	1, Jalan Bandaran, Pusat Bandar Kota Kinabalu, 88000 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Telefon: 088-521800 Faks: 088-219175
9.	Islamic Relief Malaysia (IRM)	A-05-1, Paragon Point, Seksyen 9, Jalan Medan, PB5, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor. Telefon: 03-8926 3434 E-mel: nfo@islamic-relief.org.my

Lampiran 5

SENARAI PROGRAM GAP YEAR BERDASARKAN UNIVERSITI

MAKLUMAT PROGRAM GAP YEAR							
1	Universiti	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)					
2	Rakan Strategik	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)					
3	Sasaran Peserta	50 orang/ tahun					
4	Nama Program	Sukarelawan APM					
5	Ringkasan Eksekutif Program	Program ini merupakan kerjasama di antara UiTM dan APM. Program ini akan menempatkan pelajar di APM seluruh negara mengikut keperluan. Pelajar akan menjalani latihan asas pertahanan awam dan menjalani aktiviti kesukarelawanan.					
6	Objektif Program	<ul style="list-style-type: none"> - menimba ilmu dan pengalaman sepanjang satu tahun akademik dengan melaksanakan aktiviti kesukarelawan; - meningkatkan kemahiran insaniah dan kebolehpasaran graduan; - meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan agensi; dan - memanfaatkan secara tidak langsung hasil pelaksanaan program sukarelawan yang dijalankan oleh mahasiswa menerusi program pembangunan komuniti dan kesejahteraan rakyat. 					
7	Tarikh Program	Bermula September* tahun semasa <i>*Tertakluk kepada pelaksanaan oleh UAP</i>					
8	Jangka Masa Program	1 tahun					
9	Aktiviti Yang Akan Dijalankan	<p>A. Latihan Asas</p> <p>Modul A: Pegawai (7 hari)</p> <p>Modul B: Staf Muda (21 hari)</p> <p>Modul C: 1 LLP (30 hari)</p> <p>B. Aktiviti Kesukarelawanan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Akademi Latihan APM Ibu Pejabat 2. APM Negeri, Daerah dan APM Unit 					
10	Syarat & Kelayakan	<p>Pelajar yang layak menyertai program Gap Year (Kesukarelawanan Khidmat Negara) bersama Agensi mestilah memenuhi kriteria seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Warganegara Malaysia; - Berdaftar sepuhnu masa dengan mana-mana UA; - Memenuhi syarat-syarat kelayakan fizikal minimum yang ditetapkan oleh Angkatan Tentera Malaysia; - Pelajar tahun kedua dan ke atas yang belajar sama ada di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda; - Tempoh program Gap Year yang ingin disertai tidak melebihi satu tahun pengajian akademik; dan - Pelajar hanya dibenarkan untuk menyertai SATU kali sahaja program Gap Year sepanjang pengajian. 					
11	Insentif	Elaun	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Pelajar Tahun 2/3</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">Pelajar Tauliah</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">RM 600/ bulan</td> <td style="text-align: center; padding: 5px;">RM 600/ bulan</td> </tr> </table>	Pelajar Tahun 2/3	Pelajar Tauliah	RM 600/ bulan	RM 600/ bulan
Pelajar Tahun 2/3	Pelajar Tauliah						
RM 600/ bulan	RM 600/ bulan						

